



KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (26)

Selasa, 1 Jun 2021  
UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PEMAKLUMAN STATUS SEMASA  
BAGI SEKTOR PENGURUSAN FASILITI & HARTA**

1. Sektor Pengurusan Fasiliti & Harta berada di bawah bidang kuasa **Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT)**. Pada 31 Mei 2021, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa **Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)** akan bertindak sebagai kementerian pusat bagi memproses permohonan syarikat perkhidmatan perlu (*essential service*) untuk beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKP 3.0).
2. Dimaklumkan bahawa pada masa ini, MITI sedang menyediakan kod untuk sektor Pengurusan Fasiliti & Harta. KPKT menjangkakan bahawa urusan penyediaan kod ini akan siap selewat-lewatnya hari ini.
3. KPKT akan mengeluarkan kenyataan rasmi yang terkini setelah selesai urusan penyediaan kod dan syarikat yang berkaitan dapat melakukan proses permohonan dengan pihak MITI. Sementara itu, dipohon agar **JANGAN MENGAKSES** sistem tersebut dalam waktu ini kerana ia akan menyebabkan kesesakan trafik pelayar disebabkan oleh tahap akses yang terlalu tinggi.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
1 Jun 2021